

Headline	17 ekor lembu diagih kepada orang Islam Kemboja		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	225 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,956	PR Value	RM 5,869



## 17 ekor lembu diagih kepada orang Islam Kemboja



MOHD. YUSNAIDI (tiga dari kiri) menyerahkan lembu korban kepada wakil penduduk di Battambang dan Phnom Penh, Kemboja baru-baru ini.

**ALOR SETAR** – Sebanyak 17 ekor lembu diagihkan kepada penduduk Islam di Phnom Penh, Kemboja baru-baru ini untuk ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha kali ini.

Program julung-julung kali anjuran bersama Pusat Islam dan Pusat Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) itu turut mendapat kerjasama Alumni Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretak.

Peserta program menemui beberapa penternak lembu di Battambang dan Phnom Penh bagi membeli dan mengagihkan lembu hasil sumbangan derma daripada rakyat Malaysia.

Ketua urus setia program, Mohd. Yusnaidi Md. Sabri memberitahu, program itu bertujuan menjalinkan ukhuwah dengan komuniti Islam di negara berkenaan.

“Biarpun pengumuman untuk mengadakan kutipan wang bagi ibadah korban di Kemboja dilakukan pada saat-saat

akhir menerusi laman sosial Facebook, e-mel dan hebahan media, kami berjaya mengumpul dana untuk membeli sebanyak 17 ekor lembu untuk diagihkan,” katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Alumni IKBN Peretak, Samsudin Oli Mohamed terharu dengan keprihatinan rakyat Malaysia yang menghulurkan sumbangan bagi membolehkan program tersebut berjalan lancar.

Beliau yang turut mengikuti program itu berkata, sumbangan tersebut diharapkan dapat membantu komuniti Islam di negara berkenaan untuk meraikan Aidiladha dengan lebih bermakna.

Dalam pada itu, seorang peserta program, Zabadi Mokhtar bangga kerana program itu dapat dijayakan selepas menempuh pelbagai halangan.

“Meskipun kedatangan di Phnom Penh adalah singkat, namun kami percaya sedikit sebanyak dapat memberi keceriaan kepada penduduk,” katanya.